

KEHIDUPAN
GELANDANGAN
BEKAS BANDUAN

**MOHD ALIF JASNI
NAZIRAH HASSAN
FAUZIAH IBRAHIM
MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN**

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota/ *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA/
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli/ *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh/ *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh/ *Printed in Malaysia by*
MASSA CREATIVE ENTERPRISE
Back Side of GF-03A, Menara Paragon
Persiaran Bestari, Cyber 11, Cyberjaya
63000 Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-144-2

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ... 7

Prakata ... 9

BAB 1 Kehidupan Gelandangan Bekas Banduan di Jalanan ... 11

BAB 2 Kehidupan dan Keperluan Hidup Gelandangan Bekas
Banduan ... 23

BAB 3 Perspektif Gelandangan Bekas Banduan terhadap Pengalaman
Hidup di Jalanan ... 95

BAB 4 Perspektif Gelandangan Bekas Banduan terhadap Rutin Hidup
dan Strategi Daya Tindak ... 120

BAB 5 Perspektif Gelandangan Bekas Banduan terhadap Keperluan
Asas Hidup di Jalanan ... 137

BAB 6 Perspektif Pegawai Profesional terhadap Kehidupan
Gelandangan Bekas Banduan ... 181

BAB 7 Perspektif Sukarelawan terhadap Kehidupan Gelandangan
Bekas Banduan ... 197

BAB 8 Implikasi terhadap Polisi, Teoretikal, Praktis Kerja Sosial,
Akta dan Perundangan ... 210

Rujukan ... 237

Indeks ... 271

Prakata

Buku ini diilhamkan daripada hasil penyelidikan sebuah penulisan tesis peringkat Doktor Falsafah yang dilakukan oleh penulis pertama. Idea menjalankan kajian peringkat Doktor Falsafah ini bermula daripada pengalaman penulis pertama sebagai sukarelawan di Jalan Chow Kit Kuala Lumpur. Keadaan ini membuatkan penulis melanjutkan pelajaran pada peringkat Doktor Falsafah di bawah penyeliaan penulis-penulis yang turut serta dalam kajian ini. Tujuan penulisan buku ini adalah bagi memaparkan realiti sebenar kehidupan gelandangan bekas banduan di sekitar Jalan Chow Kit. Hal ini membolehkan suara mereka didengari menerusi penulisan buku. Bagi penulis sendiri, gelandangan bekas banduan merupakan antara komuniti yang sangat terpinggir. Mereka sangat mengharapkan suara mereka didengari agar kebajikan dan pemerksaan terhadap mereka dapat dilakukan. Realiti yang berlaku apabila setiap tahun, gelandangan bekas banduan yang dibebaskan tanpa sistem sokongan memungkinan mereka untuk terdedah kepada risiko lebih besar seperti kembali melakukan jenayah sehinggalah terpaksa memilih hidup sebagai gelandangan di jalanan.

Kemelaratan hidup selepas pembebasan menyebabkan bekas banduan berakhir menjadi gelandangan di sekitar bandar-bandar besar. Kekurangan pemerhatian yang sistematik dan komprehensif pembuat dasar untuk berurusan dengan gelandangan bekas banduan juga menyebabkan masalah ini menjadi semakin rumit. Oleh itu, wujud situasi semasa yang mendesak agar penulisan ini segera diberikan penekanan dalam menyediakan sumber empirikal dan dokumentasi pengalaman gelandangan bekas banduan sepanjang hidup di jalanan. Maklumat penulisan ini dijangka dapat digunakan dalam usaha untuk memperkenalkan perkhidmatan dan bantuan untuk memenuhi keperluan asas dan sokongan sosial mereka. Pengalaman hidup, rutin hidup, strategi daya tindak dan keperluan asas yang ingin diketahui melalui penulisan ini merupakan galian maklumat yang penting dan menarik, memandangkan tumpuan sebegini seringkali dipandang remeh dan jauh daripada pengetahuan umum. Gelandangan bekas banduan menghadapi krisis penempatan yang kritikal, akibat cabaran hidup. Oleh itu, penulisan ini meninjau mekanisme yang

digunapakai dalam mendepani peristiwa buruk yang dilalui sepanjang bergelandangan. Penulis turut meneliti tentang keperluan-keperluan asas yang diperlukan oleh gelandangan bekas banduan untuk membolehkan mereka keluar daripada kehidupan jalanan. Penulisan buku ini berdasarkan maklumat yang diberikan oleh gelandangan bekas banduan, pegawai profesional dan sukarelawan. Kesemua subjek perbincangan yang terpilih ini akan membantu penulis untuk meneroka lebih mendalam tentang kehidupan yang dilalui oleh gelandangan bekas banduan di jalanan. Buku ini melibatkan lapan bab yang dibahagikan dengan teliti dari segi perbincangan yang ingin disampaikan ini.

Secara kesimpulan, isu gelandangan di Malaysia telah berlaku untuk tempoh yang lama. Pelbagai usaha telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan, namun masih belum dapat membasmi dengan jayanya isu gelandangan ini. Malahan, masalah gelandangan ini tidak menunjukkan penyelesaian dalam masa terdekat. Ketirisan kajian yang memfokuskan tentang gelandangan bekas banduan ini menyebabkan masyarakat atau pihak berkepentingan kurang cakna tentang isu yang membelenggu golongan ini. Oleh itu, penulisan buku ini diharap dapat memberi gambaran tentang isu tersebut. Terbukti bahawa majoriti banduan yang menjalani hukuman penjara adalah dari kalangan gelandangan. Keadaan sebegini memberi suatu gambaran bahawa pengakhiran bekas banduan menjadi gelandangan bukan suatu yang memeranjatkan. Terdapat kaitan yang tinggi antara pembebasan bekas banduan dengan kehidupan sebagai gelandangan di jalanan.

Penulis telah memperolehi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran kolej dengan bertajuk "*Faktor-faktor yang mempengaruhi bekas banduan menjadi gelandangan*" serta bernombor kod S/O 14621 sebanyak RM 5,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia untuk kajian ini. Geran ini memberi impak yang sangat besar dalam memastikan kejayaan keseluruhan penyelidikan yang dijalankan.

Mohd Alif Jasni

Nazirah Hassan

Fauziah Ibrahim

Mohammad Rahim Kamaluddin